

# Tuduhan bawa pengundi hantu hanya rekaan

UM 18 JUL 1988

**P**ENDANG 17 Julai — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan bahawa tuduhan kononnya Barisan Nasional (BN) akan membawa pengundi hantu sengaja dibuat oleh pembangkang untuk dijadikan alasan sekiranya mereka kalah pada pilihan raya kecil di Pendang dan Anak Bukit.

Timbalan Perdana Menteri percaya sekiranya BN menang di kedua-dua kawasan itu, pembangkang sudah tentu akan mendakwa kemenangan itu adalah kerana adanya pengundi hantu.

“Tuduhan itu sengaja dibuat pembangkang, mungkin pengundi hantu akan dijadikan alasan awal kalau keputusan pilihan raya kecil itu memihak kepada BN,” katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri jamuan tengah hari bersama penduduk Pondok Chegar, Gajah Mati di sini, hari ini, Abdullah menegaskan bahawa pengundi hantu tidak wujud kerana daftar yang digunakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah daftar yang bersih.

“Orang yang ada nama dalam daftar pengundi bolehlah mengundi, sesiapa yang tidak ada nama tidak payahlah mengundi, orang yang tidak berhak tidak boleh mengundi menggunakan nama orang lain,” jelasnya.

Mengenai laporan akhbar yang menyebut kenyataan SPR bahawa kempen pada dua pilihan raya kecil itu berlangsung dalam suasana tidak sihat, Abdullah berkata, beliau percaya suruhanjaya itu sedang memikirkan langkah-langkah supaya situasi itu tidak berterusan pada masa akan datang.

Sambil melahirkan rasa kesalnya dengan insiden

insiden kasar yang berlaku sepanjang kempen itu, beliau berkata, orang Islam tidak melakukan perkara yang boleh menimbulkan ketegangan dan pergaduhan.

“Orang Islam buat kerja yang baik, cakap baik, bukan seru dengan tidak baik, pihak yang menimbulkan kekerasan itu tidak layak menjadi pemimpin, dan kalau kerajaan dipimpin oleh orang seperti itu (kekerasan), kerajaan akan hancur,” katanya.

Menurut Abdullah, beliau sendiri rimas dengan taktik kempen menyebar fitnah

dan dakyah memburukkan dirinya dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang sepatutnya tidak dilakukan oleh orang Islam.

Beliau berkata, tindakan tidak bertanggungjawab itu sebenarnya adalah kerja mereka yang mahu melihat anggota masyarakat saling bergaduh sesama sendiri.

“Saya pun rimas dengan cara mereka berkempen waktu ini. Orang yang suka berbohong ni, dia orang tak hormat rakyat biasa.

“Depa ingat rakyat boleh ditipu, jadi, depa tak hormat langsung kepada orang

kampung dan suruh mereka percaya.

“Sifat macam ini tidak melayakkan mereka untuk bertanding dan meraih sokongan untuk menubuhkan kerajaan,” katanya.

Beliau mengulas kenyataan Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Wan Ahmad Wan Omar semalam yang menyifatkan kempen pilihan raya di kedua-dua kawasan itu sebagai “kasar dan tanpa belas kasihan” yang tidak sepatutnya berlaku di negara ini.

Wan Omar yang kecewa dengan perkara itu berkata,

para petugas parti sepatutnya ‘mempelajari dari pilihan raya lepas dan mengikuti etika kempen.’

Terdahulu, ketika berucap pada majlis mesra bersama masyarakat Siam Kampung Wat Padang Peliang dekat sini, Abdullah berkata, rakyat perlu menolak sebarang perbuatan melampau oleh pihak tertentu yang boleh menggugat keamanan negara.

“Apa yang dimahukan kerajaan ialah negara ini aman dan bila selamat, rakyat mudah nak cari makan tanpa diganggu,” tambahnya.